

**PERPUSTAKAAN
FAKULTI ALAM BINA**



FAB30000010067

PENCEMARAN BUNYI DALAM KERJA PEMBINAAN

MOHD FAISAL BIN AMALUDIN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai
memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

NOVEMBER 2009

ABSTRAK

Bunyi merupakan elemen yang penting dalam kehidupan terutamanya dalam berkomunikasi. Setiap paras bunyi yang terhasil adalah berbeza tahap penerimaannya oleh setiap penerima. Ada yang dapat menerima bunyi yang bising dan sebaliknya. Walau bagaimanapun, masyarakat pada masa sekarang sangat sensitif mengenai isu bunyi bising dan ini jelas terbukti melalui aduan yang dibuat mengenai pembinaan rumah awam milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) apabila tidak tahan dengan bunyi bising yang dihasilkan terutamanya kerja penanaman cerucuk. Objektif bagi kajian ini ialah mengukur paras bunyi yang dihasilkan melalui kerja cerucuk samada memenuhi tahap piawaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) ataupun sebaliknya. Skop kajian pula hanya tertumpu sekitar kawasan Johor Bahru dan kerja yang difokuskan ialah kerja cerucuk sahaja. Sebanyak lima tapak pembinaan sahaja yang akan dipilih dan hanya tiga titik penanaman cerucuk yang akan diambil paras bunyi. Peralatan yang digunakan dalam mengukur paras kebisingan ini dikenali sebagai *sound level meter*. Pengukuran paras kebisingan adalah berpandukan kepada *British Standard Institution (BSI) 6393:2008 (Earth - moving machinery - Determination of sound power level - Stationary test conditions)*. Setelah pengukuran dibuat, data akan dipersembahkan dalam bentuk graf dan didapati bahawa kelima tapak pembinaan yang dipilih tidak melebihi paras yang telah ditetapkan oleh JAS iaitu 90.0 dBA. Paras yang paling tinggi dicatatkan bagi nilai purata setiap lima tapak tersebut ialah 83.0 dBA. Secara kesimpulannya, paras bunyi yang dihasilkan oleh kerja cerucuk bagi lima tapak pembinaan ini adalah mematuhi paras yang ditetapkan oleh JAS.

ABSTRACT

Sound is the most important element in our life especially in communication. Every level of sound has its own acceptance level of every receiver. There are those who can apprehend loud noise and those who cannot. Nowadays, the society is very sensitive about the noise issue and this is approved by the complaints received for the public house project governed by Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) when their life value is disturbed especially when piling works operated. The objective of this research is to measure the noise level produce through piling works, whether the level is within the range of Jabatan Alam Sekitar (JAS) standard noise level. The scope of this research is in the area of Johor Baharu and the focused work of this research is piling. Five different construction sites has been chosen and only three piling pints is taken for each construction site. The device used for this research is known as sound level meter. This noise level measurement is based on *British Standard Institution (BSI) 6393:2008 (Earth - moving machinery - Determination of sound power level - Stationary test conditions)*. After the measurement process is done, the data will be presented in chart form. As the results, the noise level of piling works from all said five construction sites is within the standard range of JAS which is 90.0 dBA. The highest mean level recorded on those five sites is 83.0 dBA. As for the conclusion, the noise level produce by piling works in those five construction sites are within the standard range given by JAS.